

**4 BERITA KAMPUS**

Tangani isu, cabaran, integriti akademik

**6 JELAJAH SISWA**

Mengkaji persekitaran marin negara

**12 INOVASI**

Bilitec mampu ukur tahap bilirubin tanpa ujian darah

## KEPENTINGAN KUASAI

# 3 BAHASA KETIGA



Rizq Nadiyah



Aishah



Muhammad Ikraam

### Beri kelebihan kepada pelajar

← Dari V1

Berkongsi pengalaman mempelajari bahasa Jepun, Rizq Nadiyah berkata beliau memilih untuk mengambil bahasa ketiga itu kerana meminati animasi dari Jepun ketika berada di bangku sekolah.

"Saya pernah kecewa kerana tidak melepasi ujian kelayakan untuk masuk kelas bahasa Jepun ketika di bangku sekolah menengah menyebabkan saya mengambil peluang belajar sendiri kerana minat mendalam terhadap bahasa Jepun.

"Apabila menyambung pengajian ke UPM, saya terus mengambil peluang yang ada untuk mempelajari bahasa Jepun secara formal dan tidak menyangka minat itu akhirnya membawa saya belajar hingga ke Jepun," katanya.

Sementara itu, pelajar Ijazah Sarjana Muda Bahasa dan Linguistik (Bahasa Sepanyol), Universiti Malaya (UM), Aishah Mohamad, berkata keputusan untuk menyambung pengajian dalam bidang bahasa itu membuka peluang untuk beliau bekerja secara separuh masa dengan syarikat dari Sepanyol yang berpangkalan di negara ini.

"Tidak dinafikan bahawa mempelajari bahasa ketiga ini banyak memberi kelebihan kepada pelajar terutama apabila mereka ingin mencari pekerjaan kelak kerana sudah banyak syarikat antarabangsa yang memerlukan pekerja mahir dan mampu

berkomunikasi dalam bahasa ketiga.

"Selain memberi nilai tambah kepada graduan, proses pembelajaran bahasa ketiga ini juga melatih kemahiran insaniah dalam diri pelajar supaya lebih terbuka dan menerima perbezaan dimiliki negara masing-masing termasuklah dari aspek bahasa dan kebudayaan," katanya.

**Pelbagai bahasa**

Graduan Universiti Teknologi MARA (UiTM), Muhammad Ikraam Idris yang kini bertugas sebagai Eksekutif di Bahagian Pendidikan Transnational (Transnational Education Division), Sekolah Pendidikan Profesional dan Pendidikan Berterusan Universiti Teknologi Malaysia (UTMSPACE), turut berpendapat bahawa kebolehan berkomunikasi dalam bahasa ketiga memberi kelebihan kepada seseorang individu.

"Tugas saya turut memerlukan saya berkomunikasi dalam pelbagai bahasa selain bahasa Melayu dan bahasa Inggeris kerana perlu berurusan dengan pelawat dari pelbagai negara termasuklah dari negara Arab.

"Saya bertuah kerana mengikuti program pengajian Ijazah Sarjana Muda Bahasa Gunaan (Kepujian) Bahasa Arab Komunikasi Profesional dan mengambil kursus bahasa Perancis sebagai bahasa ketiga dan ilmu yang diperoleh itu sangat membantu melancarkan lagi kerja saya," katanya.

Oleh Nor Azma Laila  
norazma@bh.com.my

► Kuala Lumpur

**K**ebolehan berkomunikasi dalam bahasa ketiga bukan sahaja mampu meningkatkan keyakinan seseorang pelajar atau graduan tetapi membuka peluang lebih luas untuk maju dalam kerjaya di peringkat global.

Sejajar dengan kewujudan pelbagai syarikat antarabangsa di negara ini, bahasa ketiga kini mempunyai peranan penting bagi memudahkan pekerja berkomunikasi dengan syarikat yang

memiliki pekerja dari negara mereka sendiri.

Contohnya, syarikat dari Jepun menitikberatkan pekerjaannya boleh berkomunikasi dalam bahasa Jepun manakala syarikat dari China pula berharap pekerjaannya mampu untuk menguasai bahasa Mandarin dengan baik.

Bagi pelajar Ijazah Sarjana Muda Pengajian Pengguna, Universiti Putra Malaysia (UPM), Rizq Nadiyah Sobani, memiliki kebolehan berkomunikasi dalam bahasa ketiga membuka lebih banyak peluang pengajian dan pekerjaan kepada pelajar terutama pada peringkat antarabangsa.

Beliau yang mengikuti kursus elektif bahasa Jepun selama tiga semester di UPM pernah berpeluang mengikuti program pertukaran pelajar ke Tokyo Metropolitan University selama lima bulan.

"Saya juga berpeluang mengambil bahagian dalam pelbagai program berkaitan negara matahari terbit itu yang dianjurkan oleh pihak universiti malah pada Mac lalu saya turut terbabit sebagai fasilitator untuk program lawatan pelajar dari Jepun ke UPM.

"Selain itu, kelebihan ini juga membolehkan saya untuk kenal lebih ramai rakan dari Jepun sekali gus membantu saya mengasah kemahiran berkomunikasi bersama-sama mereka sama ada melalui perbualan dua hala secara berdepan atau perbualan di media sosial," katanya. **V3**



► Buka peluang kerjaya lebih luas kepada graduan, terutama syarikat antarabangsa